

Anwar selar pihak tak henti buat tuduhan liar

PM tak hirau penghinaan, tetap komited pastikan politik negara kekal stabil

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Klang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyelar sikap segelintir pihak yang berterusan membuat tuduhan liar terhadapnya.

Perdana Menteri berkata, ada isu puluhan tahun lalu diungkit semula dengan niat untuk memfitnah dan mengaibkan beliau.

"Kamu hinalah banyak mana pun... berpuluh tahun saya dihina, (sebagai) ejen Yahudi, ejen Israel, main lelaki, main perempuan... yang belum kata, main dengan lembu saja belum.

"Jadi, kamu nak hina... tidak ada makna. Tapi biar mengikut adab dan akhlak. Kamu tahu hukum. Nak bawa kes, saya boleh cerita tetapi saya nak maju ke depan," katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama komuniti setempat dan warga kerja Westports 2, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari serta Pengerusi Eksekutif Westports, Datuk Ruben Emir Gnanalingam Abdullah.

Pastikan tatakelola baik

Anwar menegaskan biar apapun penghinaan diterimanya, beliau komited memastikan politik negara terus stabil untuk membolehkan dasar dirangka kerajaan dilaksanakan dengan jayanya.

"Ini MADANI, tatakelola mesti

baik. Cara dulu mahu buat kontrak, sakau sana, sakau sini, tidak payah tender... itu mesti dihentikan. Yang bocor, dicuri ini semua mesti ditahan.

"Sebab itu kena yakin apabila semua ini mula berlaku, kita akan mula melihat perubahannya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menyelar kenyataan pembangkang yang mempertikai syarat mengisytiharkan harta sebagaimana terkandung dalam draf memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan dengan pembangkang.

"Mereka tanya mengapa Perdana Menteri tidak isytihar (harta), saya tiada masalah, boleh isytihar. Ini tidak, kamu dakwa isytihar harta itu seksa. Baru minta isytihar harta kata diseksa, aku dalam penjara 10 tahun lebih.

"Saya tidak mahu ungkit lagi perkara itu. Saya hanya mahu jaga negara supaya lebih hebat dan cemerlang, jadi contoh terbaik (kepada dunia)," katanya.